

**0SOALAN NO. 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH FUZIAH  
BINTI SALLEH [ KUANTAN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018**

**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada wujud perancangan untuk menggubal satu undang- undang yang menetapkan tempoh satu-satu penggal pilihan raya selama lima tahun dan menetapkan tarikh satu- satu pilihan raya umum sama seperti "fixed term bill" di Parlimen UK.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mentakwimkan tarikh pilihan raya sebagaimana yang dilakukan oleh beberapa buah Negara kerana berpandangan bahawa kaedah yang dilaksanakan pada masa ini adalah masih sesuai untuk diteruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Perlembagaan Persekutuan dan kesemua Undang-undang Tubuh Negeri telah memperuntukkan kepada SPR tempoh 60 hari selepas Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan atau sesuatu kekosongan luar jangka untuk menjalankan pilihan raya.

Sekian, terima kasih.